



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 6/2025

JKKN : KEM GENERASI BUDAYA 'PERINTIS BUDAYAWAN MUTAKHIR'

KUALA LUMPUR, 19 MEI 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan program Kem Generasi Budaya Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Institut Kenegaraan Perdana, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur.

Program ini diadakan bertujuan sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran dalam aspek seni, budaya dan warisan kepada penggiat seni budaya. Selain itu, ia juga dapat memberi pendedahan kepada peserta untuk lebih memahami hala tuju serta kaedah pengurusan penggiat seni budaya untuk terus berkarya dengan menyesuaikan diri serta badan persatuan masing-masing dalam era perubahan zaman ini dalam mempromosikan seni, budaya dan warisan Malaysia di samping menonjolkan keunikan budaya dan kesenian Malaysia. Melalui Kem Generasi Budaya, para peserta akan didedahkan kepada beberapa bentuk pengisian antaranya ceramah berkenaan bantuan dana, penajaan dan pemasaran produk, penghasilan kertas kerja, latihan dalam kumpulan (LDK), perbincangan/ pembentangan kumpulan (*pitching*) serta praktikal produksi.

Seramai 90 orang peserta di seluruh Malaysia telah terpilih bagi menyertai Kem Generasi Budaya Peringkat Kebangsaan pada kali ini merupakan peserta-peserta terbaik dari enam (6) siri Kem Generasi Budaya Peringkat Zon yang berlangsung pada tahun lepas yang melibatkan seramai 465 orang peserta. Antara penceramah yang bakal berkongsi ilmu dalam Kem Generasi Budaya ini iaitu Dr. Norzizi Zulkifli

(Pensyarah UiTM), Encik Shamsul Bahrin Zainuzzaman (LOCCO Malaysia), Low Ngai Yuen (Kaki Seni), Encik Rosnan Nordin (Pengarah Persembahan) serta ramai lagi.

“Kem Generasi Budaya menjadi platform bagi memberi keyakinan kepada generasi muda untuk menubuhkan persatuan atau syarikat baharu yang berteraskan aktiviti seni dan budaya. Peranan NGO atau syarikat ini amat penting sebagai pelapis dalam menyokong usaha kerajaan memperkasakan seni dan budaya”.. ujar YBhg. Dato’ Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Majlis Perasmian Kem Generasi Budaya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YBr. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter, YouTube, Tiktok : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 6019-809 1805	Mohd Faiz bin Nawawi Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN faiz@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 011-32106486
--	--